



TEMUBUAL  
REKTOR KUTKM  
DI PROGRAM  
'MALAYSIA HARI INI'  
TV3

# 1. SEJAUH MANA KEPERLUAN GUNA TENAGA GRADUAN TEKNIKAL DI MALAYSIA UNTUK KEPERLUAN PASARAN PEKERJAAN MENJELANG 2020

Untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 Malaysia perlu memastikan pertumbuhan ekonomi terus pesat pada kadar positif. Ini boleh dicapai dengan memberi lebih tumpuan kepada sektor perindustrian yang secara langsung menyumbang kepada kemajuan negara. Sehubungan dengan ini Malaysia memerlukan sumber tenaga manusia dalam bidang teknikal yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi.

Menurut Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK 7) 1996 – 2000, negara kita memerlukan seramai kira-kira 36,350 orang jurutera manakala permintaan bagi pembantu jurutera dianggarkan sebanyak 48,800. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) 2001 – 2005 pula, Malaysia memerlukan seramai lebih kurang 108,400 orang jurutera. Jika trend iri berterusan permintaan guna tenaga graduan teknikal akan terus meningkat menjelang tahun 2020.

Kesimpulannya ialah keperluan guna tenaga graduan teknikal di Malaysia akan terus meningkat dan berada di paras yang tinggi menjelang tahun 2020 kerana tumpuan negara dalam usaha mencapai negara maju adalah kepada sektor perindustrian.

**2. APAKAH PENDIDIKAN TEORI DAN PRAKTIKAL PARA GRADUAN TEKNIKAL / PROFESIONAL DAPAT MEMASTIKAN MEREKA DITERIMA BAIK PARA MAJIKAN MELIHAT KEPADA FENOMENA EKONOMI DUNIA YANG TIDAK MENENTU ?**

Setiap program akademik yang ditawarkan oleh KUTKM dirancang dengan teliti termasuk membuat kajian mendalam dari segi permintaan pasaran dan juga kesesuaian dengan keperluan industri dan negara. Sehubungan dengan itu pihak universiti mengadakan perbincangan dengan industri dan lain-lain badan luar yang merupakan bakal majikan untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.

KUTKM sangat mementingkan kerjasama rapat yang berterusan dengan industri untuk menentukan program akademik yang dilaksanakan sentiasa relevan dan diterima baik. Dalam hal ini untuk terus mendapat sokongan dari industri, KUTKM akan berusaha menjalinkan perkongsian pintar universiti-industri iaitu satu strategi perkongsian yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Dengan pendekatan yang lebih menitikberatkan pendidikan dan latihan secara "hands on" graduan KUTKM akan lebih senang diterima para majikan kerana graduan tersebut akan dapat menyesuaikan diri dengan lebih cepat.

Fenomena ekonomi dunia yang tidak menentu boleh menimbulkan kesan negatif kepada pasaran pekerjaan secara keseluruhan. Untuk menghadapi keadaan yang tidak dapat dikawal begini, program akademik KUTKM membekalkan graduan dengan kursus keusahawanan yang diharap membolehkan mereka menjana pekerjaan dan tidak semata-mata bergantung kepada majikan untuk mendapatkan kerja.

### **3. KEPERLUAN MENDIRIKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI TEKNIKAL DALAM MENJANA EKONOMI SESEBUAH NEGERI YANG MENUMPUKAN KEPADA SEKTOR PERINDUSTRIAN**

Sesebuah negeri yang menumpukan kepada sektor perindustrian untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan tentulah memerlukan sumber tenaga manusia mahir terutamanya dalam bidang teknikal peringkat tinggi.

Peranan institusi pendidikan tinggi teknikal seperti KUTKM adalah untuk memenuhi permintaan tenaga manusia mahir tersebut. Dengan kewujudan institusi berkenaan dalam negeri tersebut, program akademik yang ditawarkan boleh dirancang agar betul-betul menepati keperluan sektor perindustrian di persekitaran.

Selain dari menjadi sumber tenaga manusia mahir, institusi pendidikan tinggi teknikal juga boleh memberi khidmat kepakaran dan kemudahan untuk membantu penyelesaian masalah, serta kerja penyelidikan dan pembangunan yang diperlukan oleh industri. Dalam strategi perkongsian pintar, pihak industri memberi sokongan kepada institusi pendidikan dan membolehkan institusi tersebut memberi sokongan pula kepada industri.

Penubuhan KUTKM umpamanya akan memenuhi permintaan tenaga mahir sektor perindustrian bukan sahaja bagi kawasan persekitaran bahkan sebenarnya bagi seluruh negara. Bagaimana pun industri berdekatan akan mendapat lebih manfaat dari segi kerjasama atau perkongsian pintar.

**4. KEPERLUAN AKADEMIK YANG DIPERLUKAN OLEH PARA PELAJAR YANG INGIN MEMASUKI KUTKM. BAGAIMANA PULA MEREKA YANG TIDAK MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK MINIMA TETAPI MEMILIKI PENGALAMAN LUAS DALAM BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN ?**

Buat masa ini KUTKM menawarkan program di peringkat Sarjana Muda dan ini akan ditambah dengan program di peringkat Diploma mulai kemasukan tahun 2002/03.

Bagi semua program, calon mestilah memenuhi syarat-syarat pencapaian minimum yang telah ditetapkan oleh KUTKM.

Calon yang ingin memasuki KUTKM untuk program Sarjana Muda mestilah mempunyai salah satu kelayakan samada

- (1) Sijil Politeknik atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf
- (2) STPM
- (3) Matrikulasi
- (4) Kelulusan lain yang setara dan diperakukan oleh Senat KUTKM

Seseorang calon yang tidak mempunyai kelayakan akademik di atas boleh juga dipertimbangkan jika mempunyai sijil SPM dan memiliki pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan selama 5 tahun.

Bagi program peringkat Diploma seseorang calon perlu mempunyai sijil SPM dengan syarat-syarat pencapaian minimum yang telah ditetapkan.

## 5. SETIAP UNIVERSITI MEMPUNYAI FALSAFAH SERTA HALATUJU PENDIDIKAN YANG DITAWARKAN

Penubuhan KUTKM bertitik tolak daripada keputusan kerajaan untuk memenuhi keperluan industri masa depan terhadap sumber tenaga profesional bidang teknikal yang bukan saja mempunyai pengetahuan akademik yang mantap tetapi juga mempunyai ketrampilan dan kemahiran teknikal yang tinggi. Sumber tenaga manusia seperti ini adalah amat penting kepada negara dalam usaha ke arah mencapai wawasan negara maju.

Sehubungan dengan ini KUTKM telah menetapkan visinya iaitu untuk menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Misi yang telah ditetapkan bagi mencapai visi yang dinyatakan ialah untuk melahirkan ahli professional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan melalui pendidikan tinggi teknikal bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi negara.

Halatuju yang ditetapkan untuk KUTKM dirumuskan secara ringkas tetapi padat melalui temanya iaitu *Kompentensi Teras Kegemilangan*.